

Gilap kebolehan pendakwah profesional

Perkim jayakan program ziarah muhibah digerak 200 peserta di Negeri Sembilan



SEMARAK...pendakwah Perkim dan pelajar Usim menyertai program Metodologi Ziarah Muhibah Masyarakat di Ladang Geddes, Bahau, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

>>Oleh Idris Musa
idris@hmetro.com.my

PERTUBUHAN Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) menjayakan program Metodologi Ziarah Muhibah Masyarakat di Ladang Geddes, Bahau, Negeri Sembilan, baru-baru ini dalam usaha memantapkan pengetahuan mereka mengenai Islam dan teknik dakwah.

Walaupun lokasinya jauh dari pusat bandar, program itu tetap mendapat sambutan dengan kehadiran kira-kira 200 peserta terdiri daripada pendakwah, urusetia saudara Muslim dan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).

Pengarah program, Amran Abdullah, berkata pihaknya gembira banyak pihak memberikan sokongan menjayakan program terbabit termasuk Perkim Bahagian, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Madrasah Shirathal Mustaqim dan Usim.

"Program ini melahirkan idea dan pemikiran Islamiah di kalangan saudara Muslim dan India Muslim dengan mempertingkatkan kefahaman serta kesedaran mereka mengenai Islam.

"la bagi memantapkan keimanan dan mewujudkan pendekatan dakwah yang berkesan, aktif dan sistem," katanya.

Antara acara utama dalam program itu ialah forum bertajuk Memperkasakan Pendakwah Saudara Muslim yang dipengerusikan Abdul Rahman Siva Abdullah dari Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Panelinya terdiri daripada Abdul Latiff Satharan Abdullah, Zulkamain Abdullah dan P M Anwar yang melontar pandangan berkaitan gerak kerja dakwah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman masing-masing.

Penganjur bersama pelajar Usim turut menziarahi 230 keluarga di Kampung Ladang Geddes manakala kalangan pendakwah mengunjungi 20 rumah saudara Muslim India.

Mereka menyampaikan sumbangan berbentuk makanan dan keperluan harian, selain bantuan kewangan kepada golongan yang hidup daif dan mangsa kebakaran.

Amran berkata, program berkenaan memberi peluang kepada setiap peserta menggilap potensi diri mereka sebagai pendakwah profesional dan serta boleh.

"Mereka juga dapat memperkemaskan keimanan dan keperibadian sebagai seorang Muslim yang mempamerkan ciri mulia serta terpuji," katanya.



ZIARAH...pelajar Usim mengunjungi dan menyampaikan sumbangan kepada penduduk.